



Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VII(13)
(Our Ref.)

Tarikh : 24 Mei 2023
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK BILANGAN 3 TAHUN 2023

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 KEPERLUAN MELETAKKAN NAMA SAINTIFIK PADA GAMBAR SERANGGA PEROSAK DI PANEL UTAMA LABEL RACUN MAKHLUK PEROSAK KATEGORI ISI RUMAH

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua syarikat pendaftar produk Racun Makhluk Perosak berkenaan dengan arahan meletakkan nama saintifik lengkap (Genus dan spesis) pada gambar serangga perosak isi rumah di panel utama produk Racun Makhluk Perosak.

LATAR BELAKANG DAN JUSTIFIKASI

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pendaftaran Racun Makhluk Perosak Bil. 3/2023 pada 13 Mac 2023 telah memutuskan supaya penambahbaikan dilakukan pada label RMP Isi Rumah dengan meletakkan nama saintifik lengkap (Genus dan spesis) pada gambar serangga perosak di panel utama label.

ANDA KAMI UTAMAKAN



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL : DSM 000565

2. Keputusan ini diambil berdasarkan keperluan menyatakan maklumat lengkap berkenaan serangga perosak isi rumah berkaitan dapat disampaikan kepada pengguna. Walaubagaimanapun, hanya label yang mempunyai gambar serangga perosak isi rumah sahaja yang perlu diletakkan nama saintifik lengkap berdasarkan data kajian yang dihantar semasa pendaftaran produk.
3. Sehubungan dengan itu, semua permohonan pendaftaran baharu dan permohonan pendaftaran semula yang melibatkan kegunaan isi rumah perlu meletakkan maklumat tersebut.

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **1 Jun 2023**.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAT IESAK BIN NGATHINEE)

Setiausaha,
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :

Pengarah Eksekutif,
Persatuan Pemeliharaan Tanaman & Kesihatan Awam Malaysia